

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai Insurans Liabiliti Am Komprehensif anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

Tarikh:

1

Apa itu Insurans Liabiliti Am Komprehensif?

Polisi Liability Am Komprehensif ini adalah untuk melindungi Anda terhadap liabiliti pihak ketiga termasuk kos dan perbelanjaan yang ditanggung semasa tempoh indemniti yang disebabkan oleh kejadian berhubung dengan perniagaan anda.

2

Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran RM2,500.00 setahun, anda menerima **perlindungan** berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
<ul style="list-style-type: none"> Apabila anda berkewajipan secara sah untuk membayar sebagai ganti rugi untuk <ol style="list-style-type: none"> Kecederaan tubuh badan kepada pihak ketiga; atau Kerosakan kepada harta benda nyata pihak ketiga; akibat pelaksanaan kerja kontrak anda. Kos perundangan dan perbelanjaan pembelaan untuk tuntutan di atas. Perlindungan tambahan yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> Lebihan Liabiliti Automobil Liabiliti Berkontrak Liabiliti Pencemaran secara Tiba-tiba dan Tidak Disengajakan Kerosakan kepada harta sedia ada Prinsipal 	<ul style="list-style-type: none"> Liabiliti majikan, atau manfaat hilang upaya; Kerugian kewangan sepenuhnya yang bermaksud sebarang kerugian yang tidak melibatkan kecederaan tubuh badan dan/atau kerosakan harta; Libel atau fitnah, atau pelanggaran atau kehilangan mana-mana hak proprietari intelektual Kerosakan harta ke atas mana-mana harta yang dimiliki oleh, didiami oleh atau disewa kepada anda; Kerugian atau kerosakan yang timbul akibat kecuaiian penuh Prinsipal atau mana-mana penerima ganti rugi; Kerugian atau kerosakan yang timbul daripada talkum berbentuk asbestos, asbestos, diethylstibesterol, dioxin, urea formaldehid, bifenil berpoliklorin, acuan toksik atau medan magnet elektrik; Kerugian atau kerosakan yang timbul daripada pencemaran atau kecacatan persekitaran; Kerugian atau kerosakan yang timbul akibat keganasan; Kerugian atau kerosakan yang timbul akibat radiasi; atau Kerugian atau kerosakan yang timbul akibat kerja-kerja pemusnahan.

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.

Tempoh indemniti adalah 12 bulan dan boleh diperbaharui selepas luput. Sebagai alternatif, tempoh indemniti boleh sama dengan tempoh kontrak kerja anda tetapi tidak akan melebihi 36 bulan dalam apa jua keadaan.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Insurans Liabiliti Am Komprehensif kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
<https://www.allianz.com.my/CGL>



Emel kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
diatas

3

Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan Allianz. Untuk tujuan ilustrasi, andaikan pihak diinsurankan ialah kontraktor yang terlibat dalam aktiviti penyelenggaraan bangunan dengan nilai kontrak RM500,000 untuk tempoh 12 bulan. Untuk had indemniti sebanyak RM1,000,000 mana-mana satu kejadian, premium yang perlu dibayar adalah seperti berikut:-

Untuk insurans polisi ini, anda mesti membayar premium:

Premium asas	RM2,500.00
Di mana ini termasuk:	
Komisen	25% daripada premium atau RM625.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM200.00
Duti Setem	RM10.00

* Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.

4

Syarat Utama Lain

- Kewajipan penzahiran pra-kontrak bagi kontrak insurans bukan pengguna (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon Insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insurans dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Sila pastikan ada mengambil had indemniti yang sewajarnya.
- Lebihan - merupakan amaun yang akan ditanggung oleh anda jika berlaku sesuatu tuntutan
- Waranti Premium 60 hari – Premium perlu dibayar dan diterima oleh Allianz dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi insurans. Jika tidak, polisi ini akan terbatal secara automatik dan Allianz berhak menerima premium pro-rata 60 hari bagi tempoh Allianz menanggung risiko di bawah polisi ini.

?

Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi notis bertulis kepada Allianz. Setelah polisi dibatalkan, anda berhak menerima pulangan bayaran premium selepas ditolak premium berdasarkan kadar tempoh singkat premium pengiraan kami dengan syarat tiada tuntutan atau notis yang mungkin menimbulkan sebarang tuntutan sebelum tarikh penamatan polisi.